

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.



Pada suatu hari, Sufi sedang bersiap-siap untuk ke sekolah. Setelah makan sarapan, dia pun keluar rumah dengan segera. Setibanya di tepi jalan raya, Sufi tersedar beg duitnya tertinggal di rumah. Dengan pantas, dia berlari pulang.

Beberapa minit kemudian, Sufi pun sampai di hadapan pintu rumahnya. Sufi terlupa membawa kunci pintu rumahnya. Dia mengetuk pintu sambil memanggil nama ibunya. Apabila pintu dibuka, Sufi terus mengambil beg duitnya dan berlari ke sekolah.

1. Sufi sedang bersiap-siap untuk ke _____.

2. Dia keluar rumah setelah makan _____.

3. Dia berlari _____ ke rumahnya.

4. Mengapa Sufi berlari pulang ke rumahnya semula?

Sufi berlari pulang ke rumahnya kerana
_____.

5. Mengapa Sufi tidak dapat masuk ke dalam rumah?

Sufi tidak dapat masuk ke dalam rumahnya kerana
_____.